

Semangat Setiakawan BN Perlu Dikekal Hadapi PRK Dun Kajang - Puteri Umno Bernama
2 Feb, 2014

KAJANG, 2 Feb (Bernama) -- Semangat setiakawan dalam Barisan Nasional (BN) perlu dikekalkan dalam menghadapi sebarang rintangan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang nanti.

Ketua Pergerakan Puteri Umno Mas Ermieyati Samsudin berkata ini kerana sokongan padu perlu diberikan kepada calon BN yang bakal bertanding sama ada dari MCA, Umno atau parti komponen yang lain.

"Bagaimanapun saya berpendapat kalau ikut hukum, maksudnya dari segi kalau sebelum ini MCA (bertanding di kerusi DUN Kajang) maka hukumnya (calon) MCA bertanding.

"Tetapi apa pun saya menyerahkan kepada kepimpinan majlis kerja tertinggi BN untuk menentukannya," katanya dalam sidang akhbar sebelum majlis taklimat khas pilihan raya kecil DUN Kajang bersama jentera empat peringkat Umno Bahagian Hulu Langat di sini Ahad.

Mengenai persiapan Puteri bagi menghadapi pilihan raya kecil itu sekiranya diadakan, Mas Ermieyati berkata sehingga kini tiga perjumpaan sudah diadakan bersama jentera Puteri Umno untuk mengatur strategi.

"Kita akan pastikan tenaga kerja untuk semua pusat daerah mengundi mencukupi. Fokus kita kepada pengundi wanita muda di bawah usia 40 tahun," katanya.

Kerusi DUN Kajang kosong selepas anggota DUN itu Lee Chin Cheh dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) meletak jawatan pada 27 Jan lepas, dan pakatan pembangkang menamakan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon mereka jika pilihan raya kecil diadakan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1011643>